

ISTI'MAN

TERMA & SYARAT

SEMAKAN DISEMBER 2025



Wasiyyah
وصيه

WASIYYAH SHOPPE BERHAD

200401012968 (651471-T)

A-G-07, Dataran Cascades, No, 13A, Jalan PJU 5/1,
PJU 5 Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan



WasiyyahShoppeBhd



TVWasiyyah

www.wasiyyahshoppe.com.my

TERMA DAN SYARAT JENIS PRODUK: AMANAH ISTI'MAN

PERUNTUKAN TERMA

'**Syarikat**' merujuk kepada Wasiyyah Shoppe Berhad 200401012968 (651471-T) sebuah syarikat amanah patuh Syariah yang berdaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan beroperasi di bawah Akta Pemegang Amanah 1949, organisasi yang berkepakaran di dalam pengurusan harta pusaka dan perancangan harta secara Syariah yang beralamat di A-G-07, Dataran Cascade, No 13A, Jalan PJU 5/1, Kota Damansara PJU 5, 47810 Petaling Jaya, Selangor atau apa-apa alamat perniagaan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa kepada **Pelanggan**.

'**Peserta Takaful**' merujuk kepada individu yang mempunyai polisi takaful dan berhasrat untuk serah hak (*assign*) manfaat takafulnya kepada **Syarikat** supaya **Syarikat** mengurus dan mengagih manfaat itu mengikut hasratnya seperti yang dinyatakan di dalam **Surat Ikatan Amanah**.

'**Pelanggan**' merujuk kepada **Peserta Takaful** yang telah serah hak manfaat takafulnya kepada **Syarikat**, telah membuat semua bayaran seperti yang dinyatakan didalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dan namanya tercatat di dalam KAD LEGASI, sijil perkhidmatan dan sistem e- mawarith **Syarikat**. **Pelanggan** ialah pihak yang telah membayar untuk mendapatkan perkhidmatan seperti yang telah ditetapkan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dan langganannya kekal sah mengikut terma dan syarat ini.

'**Isti'man**' merujuk kepada nama perkhidmatan pengamanahan (*trusteeship*) bagi polisi takaful yang dilanggan **Pelanggan** yang telah membayar caj seperti yang ditetapkan.

'**Surat Ikatan Amanah**' merujuk kepada dokumen yang dibuat oleh **Pelanggan** dengan **Syarikat** yang memperincikan bagaimana **Syarikat** menguruskan dan mengagihkan manfaat polisi takafulnya mengikut kaedah tertentu.

‘**Benefisiari**’ atau ‘**benefisiari-benefisiari**’ merujuk kepada individu/pihak yang telah dinyatakan oleh **Pelanggan** sebagai pihak yang menerima bayaran/manfaat dari manfaat polisi takaful **Pelanggan**.

‘**Terma dan Syarat Perkhidmatan**’ merujuk kepada segala peruntukan terma dan syarat yang dinyatakan di sini yang menetapkan spesifikasi perkhidmatan yang diterima **Pelanggan** serta telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak **Syarikat** dan **Pelanggan**.

ISI KANDUNGAN

1. PERUNTUKAN UMUM	4
1.1 APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN AMANAH ISTI'MAN WASIYYAH SHOPPE BERHAD?	4
1.2 DEKLARASI UMUM SEMUA PIHAK	4
1.3 FI PERKHIDMATAN	5
1.4 TEMPOH BERTENANG	5
1.5 PROSES PENDAFTARAN DI SYARIKAT TAKAFUL	6
1.6 PEMBATALAN AMANAH ISTI'MAN	6
1.7 APA YANG PELANGGAN AKAN TERIMA DALAM TEMPOH 30 HARIBEKERJA DARIPADA TARIKH PENDAFTARAN DILULUSKAN OLEH SYARIKAT	6
1.8 KAD PELANGGAN (KAD LEGASI) & SIJIL PERKHIDMATAN	8
1.9 TANGGUNGJAWAB SYARIKAT	8
1.10 APAKAH PROSES YANG TELAH DILALUI OLEH PELANGGAN UNTUK MENGESAHKAN LANGGANANNYA TERHADAP PERKHIDMATAN AMANAH ISTI'MAN WASIYYAH SHOPPE BERHAD	9
1.11 BIDANG KUASA TRANSAKSI AMANAH ISTI'MAN	9
1.13 CAJ PERKHIDMATAN AMANAH ISTI'MAN	11
1.14 ADAKAH TERDAPAT CAJ SELAIN CAJ DI ATAS?	12
1.15 APAKAH MANFAAT-MANFAAT YANG DIPEROLEHI APABILA MELANGGAN PERKHIDMATAN AMANAH ISTI'MAN?	13
1.16 TANGGUNGJAWAB PELANGGAN	16
2. APAKAH ARAHAN-ARAHAN YANG BOLEH DIMASUKKAN DI DALAM SURAT IKATAN AMANAH?	17
3. PERUBAHAN SURAT IKATAN AMANAH	18
4. PERKHIDMATAN RUNDING CARA	18
5. NOTIS PINDAAN	19
6. CUKAI, LEVI ATAU OBLIGASI STATUTORI KERAJAAN	20
7. INDEMNITI SYARIKAT	20

1. PERUNTUKAN UMUM

1.1 APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN AMANAH ISTI'MAN WASIYYAH SHOPPE BERHAD?

1.1.1. Amanah **Isti'man** adalah Perkhidmatan khusus untuk pengurusan manfaat takaful yang menggunakan instrumen Amanah (*trust*) melalui *Absolute Assignment* di bawah Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) seksyen 7.

1.1.2. Seksyen 7(1) dan 7(2) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 secara umumnya menyatakan bahawa sekiranya peserta takaful telah serah hak (*assign*) manfaat takafulnya kepada pihak ketiga, maka keutamaan memiliki manfaat takaful adalah kepada penerima pemegang serah hak (*assignee*) tersebut. Penerima hibah hanya akan menerima baki manfaat yang tidak diserahkan hak (jika ada).

1.2 DEKLARASI UMUM SEMUA PIHAK

1.2.1 Walau apapun (*notwithstanding*), **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini merujuk kepada tanggungjawab keseluruhan yang perlu dilaksanakan oleh kesemua pihak terlibat, **Pelanggan, Benefisiari/Benefisiari-benefisiari dan Syarikat**. Apa sahaja yang terkandung di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini adalah tertakluk kepada butiran di dalam 'SIJIL PERKHIDMATAN' yang disertakan bersama **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dan **Surat Ikatan Amanah** yang telah disempurnakan.

1.2.2 Kesemua pihak **Pelanggan, Benefisiari/Benefisiari-benefisiari dan Syarikat** dengan ini faham dan bersetuju untuk mengikat diri masing-masing dengan peruntukan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

1.2.3 Langganan perkhidmatan **Isti'man** yang telah diadakan di antara **Pelanggan** dengan wakil sah **Syarikat** adalah di atas sifat redha meredhai iaitu **Pelanggan** redha membayar fi perkhidmatan **Isti'man** mengikut jumlah yang ditetapkan bagi mendapatkan perkhidmatan mengikut **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini manakala **Syarikat** melalui wakil sahnya redha menerima bayaran bagi tujuan memberikan perkhidmatan berdasarkan **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

1.2.4 Kedua-dua pihak **Pelanggan** dan **Syarikat** dengan ini faham dan bersetuju bahawa **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini adalah peruntukan yang dipersetujui bersama (*mutually agreed upon*) bagi transaksi ini dan sebarang perselisihan pada masa hadapan (*future dispute*) (jika ada) akan dirujuk kepada peruntukan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

1.3 FI PERKHIDMATAN

Pelanggan dengan ini faham dan bersetuju bahawa fi perkhidmatan yang dibayar bagi perkhidmatan **Isti'man** ini adalah bagi tujuan mendapatkan perkhidmatan seperti yang di dalam sebutharga yang dipersetujui.

1.4 TEMPOH BERTENANG

Tempoh bertenang adalah **tujuh (7) hari** dari tarikh penghantaran **Terma dan Syarat Perkhidmatan**. Jika berlaku pembatalan dalam tempoh tersebut, **semua** pembayaran yang diterima akan dikembalikan kepada **Pelanggan** dengan syarat Borang Pembatalan secara bertulis telah diterima oleh **Syarikat** dalam tempoh bertenang. Borang tersebut boleh dihantar sama ada secara tangan, pos ke pejabat **Syarikat**, dan e-mel **Syarikat**. Sebarang cukai, fi atau caj yang ditetapkan

oleh Kerajaan adalah tidak termasuk dalam klausa pemulangan wang ini.

Jika berlaku pembatalan selepas tamat tempoh tujuh (7) hari yang diperuntukkan, **tiada** pemulangan wang sepenuhnya (*full refund*) akan dibuat **Syarikat**.

1.5 PROSES PENDAFTARAN DI SYARIKAT TAKAFUL

Syarikat hanya akan menghantar borang penyerahan hak mutlak (*absolute assignment*) yang telah ditandatangani oleh **Pelanggan** dan wakil **Syarikat** ke pihak takaful selepas tempoh bertenang di atas tamat.

1.6 PEMBATALAN AMANAH ISTI'MAN

Pelanggan boleh membatalkan perkhidmatan **Isti'man** dengan syarat Borang pembatalan secara bertulis telah diterima oleh **Syarikat**. Borang tersebut boleh dihantar sama ada secara tangan, pos ke pejabat **Syarikat**, dan e-mel **Syarikat**. Walau apapun (*notwithstanding*), proses pembatalan **Isti'man** ini tertakluk sepenuhnya kepada proses pembatalan mengikut prosedur syarikat takaful berkenaan dan caj pembatalan yang ditetapkan oleh **Syarikat** (rujuk lampiran).

1.7 APA YANG PELANGGAN AKAN TERIMA DALAM TEMPOH 30 HARI BEKERJA DARIPADA TARIKH PENDAFTARAN DILULUSKAN OLEH SYARIKAT

Pelanggan akan menerima perkara berikut di dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja daripada tarikh pendaftaran:

1.7.1 Kad Legasi. Kad ini merupakan kad identifikasi **Pelanggan** yang mengesahkan bahawa **Pelanggan** ini menggunakan perkhidmatan Wasiyyah Shoppe Berhad. Sebaiknya ia hendaklah disimpan didalam dompet berserta dengan kad-kad lain seperti kad pengenalan dan kad bank. Apabila berlaku kematian kepada **Pelanggan**, waris perlu menghubungi **CARELINE** di 03-7680 2000 untuk mendapatkan perkhidmatan. Pengesahan jenis perkhidmatan yang dilanggan akan disahkan oleh Wasiyyah Shoppe Berhad. Sekiranya terdapat **permohonan kali ke-empat** untuk cetakan semula, **Syarikat** berhak mengenakan caj kepada **pelanggan**.

1.7.2 Penyediaan Surat Ikatan Amanah. **Pelanggan** akan disediakan **Surat Ikatan Amanah** mengikut formula agihan dan pengurusan yang dikehendakinya di dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh surat pengesahan dari syarikat takaful telah diterima oleh **Syarikat** dan **Pelanggan**, yang mengesahkan sijil takaful telah bertukar nama dari nama **Pelanggan** kepada nama **Syarikat**. Walaupun demikian, **Syarikat** hanya mempunyai obligasi untuk menyediakan **Surat Ikatan Amanah** di dalam tempoh **30 hari bekerja** dari tarikh semua arahan lengkap telah diterima oleh **Syarikat**. Sekiranya **Pelanggan** gagal memberi arahan lengkap dan meninggal dunia, maka **Syarikat** akan menguruskan manfaat takaful ini mengikut peruntukan kuasa yang telah diberikannya di dalam Akta Pemegang Amanah 1949.

1.7.3 Resit bayaran untuk langganan Isti'man. **Pelanggan** akan mendapat resit pembayaran dalam tempoh tujuh hari bekerja dari tarikh pendaftaran melalui Dai'e atau hubungi terus **CARELINE** di **03- 7680 2000**.

1.7.4 Terma dan Syarat Perkhidmatan ini yang menzahir dan memperincikan spesifikasi perkhidmatan **Syarikat**. Terma dan Syarat ini boleh dihantar secara fizikal (pos) atau di e-mel kepada **Pelanggan**.

1.7.5 Sijil Perkhidmatan. Sijil ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan jenis langganan perkhidmatan yang telah dilanggan **Pelanggan**.

1.8 KAD PELANGGAN (KAD LEGASI) & SIJIL PERKHIDMATAN

1.8.1 Kad dan sijil ini adalah **bukti sah** bahawa **Pelanggan** telah membayar untuk perkhidmatan **Syarikat**. **Kad Legasi** akan diberikan sekali seumur hidup kepada **Pelanggan**.

1.8.2 Pengesahan mengenai perkhidmatan **Isti'man** yang dilanggan oleh **Pelanggan** hendaklah dirujuk di dalam sijil perkhidmatan yang disertakan bersama **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

1.9 TANGGUNGJAWAB SYARIKAT

1.9.1 Tanggungjawab **Syarikat** di dalam melaksanakan hak **Pelanggan** yang diperuntukkan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini adalah bergantung sepenuhnya kepada tanggungjawab yang telah dilaksanakan **Pelanggan** di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini.

Syarikat mempunyai tanggungjawab dalam memastikan pengurusan data peribadi **Pelanggan** adalah berdasarkan 7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi. **Pelanggan** dan waris yang didaftarkan sahaja mempunyai akses untuk mendapatkan maklumat perkhidmatan.

1.9.2 **Syarikat** mempunyai obligasi untuk memberikan perkhidmatan seperti di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini untuk **Pelanggan** dan **Benefisiari/ benefisiari-benefisiari**.

1.10 APAKAH PROSES YANG TELAH DILALUI OLEH PELANGGAN UNTUK MENGESAHKAN LANGGANANNYA TERHADAP PERKHIDMATAN AMANAH ISTI'MAN WASIYYAH SHOPPE BERHAD

1.10.1 **Pelanggan** telah mengisi dan menandatangani borang penyerahan hak mutlak '*Absolute Assignment*' yang disediakan oleh syarikat takaful masing-masing. Borang ini telah ditandatangani oleh **Pelanggan** sebagai penyerah hak (*assignor*) dan telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif **Syarikat** atau **mana- mana pegawai syarikat yang diberi kuasa** sebagai wakil sah menerima pemegang serah hak (*assignee*) manfaat takaful bagi pihak **Syarikat**.

1.10.2 Syarikat takaful akan memaklumkan kepada **Pelanggan** dan **Syarikat** apabila sijil takaful telah bertukar nama dari nama **Pelanggan** kepada nama **Syarikat** sebagai penerima pemegang serah hak (*assignee*).

1.10.3 Proses serah hak mutlak (*absolute assignment*) hanya dianggap selesai apabila **Syarikat** telah menerima surat makluman dari syarikat takaful bahawa sijil telah bertukar dari nama **Pelanggan** kepada nama **Syarikat**.

1.11 BIDANG KUASA TRANSAKSI AMANAH ISTI'MAN

Kesemua pihak ; **Pelanggan, Syarikat** dan **Benefisiari/Benefisiari- benefisiari** memperakui faham bahawa segala transaksi bagi **Isti'man** yang dinyatakan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini adalah tertakluk sepenuhnya mengikut peruntukan Jadual 10, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA), Akta Pemegang Amanah 1949 dan segala peraturan pihak berkuasa yang terkait dengannya.

1.12 TANGGUNGJAWAB SYARIKAT SEBAGAI PENERIMA PEMEGANG SERAH HAK (*ASSIGNEE*)

1.12.1 Sebaik sahaja surat pengesahan dari syarikat takaful diterima oleh **Syarikat** bahawa nama di dalam sijil takaful telah berpindah dari nama **Pelanggan** kepada nama **Syarikat**, satu **Surat Ikatan Amanah** akan dibuat oleh **Pelanggan** dengan bantuan **Syarikat**.

1.12.2 **Surat Ikatan Amanah** akan memperincikan arahan **Pelanggan** bagaimana manfaat takaful itu akan diurus atau diagihkan oleh **Syarikat**. Apa sahaja klausa yang patuh hukum syarak dan undang-undang sivil boleh dimasukkan di dalam **Surat Ikatan Amanah** (tertakluk kepada persetujuan **Syarikat** untuk menjalankan tanggungjawab tersebut).

1.12.3 Selepas **Syarikat** menerima manfaat takaful **Pelanggan**, **Syarikat** mempunyai tanggungjawab fidusiari (*fiduciary liability*) untuk melaksanakan segala arahan di dalam **Surat Ikatan Amanah**. Sekiranya wujud keadaan yang mana keadaan tersebut tidak dinyatakan di dalam **Surat Ikatan Amanah**, **Syarikat** adalah tertakluk sepenuhnya melaksanakan tanggungjawabnya mengikut peruntukan di dalam Akta Pemegang Amanah 1949.

1.12.4 **Syarikat** telah berusaha sedaya-upaya menyediakan segala dokumen dan prosedur operasi seragam untuk Perkhidmatan Amanah **Isti'man'** ini berdasarkan peruntukan undang-undang semasa yang tergunapakai ke atas polisi takaful iaitu Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

1.13 CAJ PERKHIDMATAN AMANAH ISTI'MAN

Caj amanah **Isti'man** terbahagi kepada dua iaitu:

I. **Caj perkhidmatan amanah Isti'man RM2,000.** Ia dikenakan untuk **Pelanggan** yang inginkan kesemua manfaat takafulnya digabungkan dan diurus mengikut arahan pengurusan dan pengagihan yang sama.

Contoh : En Ahmad mempunyai dua (2) polisi Takaful A dan Takaful B yang bernilai RM 500,000 setiap satu. En Ahmad berhasrat supaya kedua-dua polisi tersebut disatukan di dalam satu akaun apabila diterima oleh **Syarikat** dan diagihkan mengikut arahan yang sama. Contohnya setiap **benefisiari** menerima sara hidup RM 5000 sebulan. Bayaran sara hidup ini akan ditolak dari keseluruhan akaun bernilai RM 1 juta tersebut.

II. **Caj Perkhidmatan Isti'man RM 3,000.** Ia dikenakan untuk **Pelanggan** yang inginkan pengurusan akaun setiap polisi takafulnya dibuat secara berasingan.

Contoh : En Ahmad mempunyai dua (2) polisi Takaful A dan Takaful B yang bernilai RM 500,000 setiap satu. En Ahmad inginkan manfaat dari polisi Takaful A digunakan untuk membayar sara hidup RM 5000 sebulan kepada **benefisiari** yang ditetapkan. Untuk Takaful B pula dia hanya mahukan ia diguna untuk infaqnya kepada Madrasah Firdaus sebanyak RM 10,000 setiap bulan.

III. Caj setem hasil akan dikenakan untuk SETIAP pendaftaran polisi mengikut jumlah nilai polisi yang telah ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) seperti berikut:

NILAI POLISI TAKAFUL	KADAR DUTI SETEM
Tidak melebihi RM100,000	RM10
Melebihi RM100,000 sehingga RM500,00	RM100
Melebihi RM500,000 sehingga RM1 juta	RM500
Melebihi RM1juta	RM1,000

Contoh : En Ahmad mempunyai dua (2) polisi Takaful A dan Takaful B yang bernilai RM 500,000 dan bernilai RM2,000,000. Caj setem hasil yang akan dikenakan kepada En Ahmad oleh Lembaga Hasil dalam Negeri (LHDN) untuk pendaftaran polisi adalah RM100 dan RM10000.

**Caj setem hasil ini adalah tertakluk kepada perubahan daripada LHDN dari semasa ke semasa.*

1.14 ADAKAH TERDAPAT CAJ SELAIN CAJ DI ATAS?

Caj untuk perkhidmatan **Isti'man** hanyalah meliputi caj penubuhan (*set-up cost*) Amanah **Isti'man** dan penyediaan **Surat Ikatan Amanah** sahaja. Apabila **Syarikat** menerima manfaat takaful tersebut, ada tugas yang perlu dibuat oleh **Syarikat** sebagai pemegang amanah seperti yang diarahkan oleh **peserta takaful**. Untuk melaksanakan tanggungjawab ini, **Syarikat** akan mengenakan caj seperti di bawah :

1.14.1 Fi pengurusan amanah tahunan (*Yearly Administration Fee*)

Fi yang dikenakan ialah 0.5% daripada amaun manfaat takaful yang diterima kali pertama oleh **Syarikat** dan amaun manfaat takaful yang masih diuruskan **Syarikat** pada tarikh ulang tahun penerimaan manfaat takaful kali pertama itu pada tahun seterusnya.

Contohnya : **Syarikat** menerima RM 1 juta dari syarikat takaful pada 31hb Disember 2020. Fi pengurusan amanah tahunan bagi tahun pertama sebanyak 0.5% dari jumlah itu dikenakan. Ini bermakna RM 5000 akan dipotong dari RM 1 juta yang meninggalkan baki akaun amanah yang diurus sebanyak RM 995,000. Selepas itu **Syarikat** mengurus dan mengagih akaun amanah mengikut arahan **Surat Ikatan Amanah peserta takaful** untuk sepanjang tahun 2021.

Pada 31hb Disember 2021, baki wang akaun amanah yang tinggal selepas diagih dan diurus mengikut **Surat Ikatan Amanah peserta takaful** sepanjang 2021 ialah RM 900,000. Maka fi pengurusan amanah tahunan (*yearly administration fee*) yang dikenakan kepada akaun amanah itu pada 31hb Disember 2021 ialah 0.5% dari baki akaun amanah atau RM 4500. Ini meninggalkan baki akaun amanah yang bakal diuruskan untuk tahun 2022 ialah RM 895,500.

1.14.2 Fi transaksi

Syarikat akan memastikan setiap arahan pembayaran kepada **benefisiari** dibuat mengikut arahan **Surat Ikatan Amanah peserta takaful**. Bayaran kepada **benefisiari** akan dibuat sama ada dengan kaedah mengkreditkan bayaran terus ke akaun **benefisiari** atau kaedah lain yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak **Syarikat** dan **benefisiari**. Setiap transaksi yang dibuat oleh **Syarikat** mengikut arahan **Surat Ikatan Amanah** atau apa-apa yang berkaitan dengan penyelenggaraan akaun amanah akan dikenakan caj transaksi sebanyak RM 80.

1.15 APAKAH MANFAAT-MANFAAT YANG DIPEROLEHI APABILA MELANGGAN PERKHIDMATAN AMANAH ISTI'MAN?

Terdapat beberapa manfaat yang boleh anda perolehi iaitu:

1.15.1 Pengurusan profesional oleh **Syarikat**.

Apabila menerima manfaat takaful dari syarikat takaful, **Syarikat** sebagai syarikat amanah patuh syariah yang berdaftar di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan menguruskan manfaat itu sepenuhnya mengikut arahan **Surat Ikatan Amanah peserta takaful** dan Akta Pemegang Amanah 1949. Ini bermakna manfaat takaful akan diurus dan diagih secara profesional tanpa apa-apa konflik kepentingan.

1.15.2 Sesiapapun/mana-mana pihak boleh menjadi **benefisiari**.

Pelanggan boleh menamakan sesiapapun/mana-mana pihak pun sebagai **benefisiari** dan jumlah (*amount*) yang akan dibayar kepada **benefisiari** tersebut mengikut pemsaaan (*timing*) tertentu. Ini bermakna waris seperti pasangan, anak-anak, ibubapa, adik-beradik atau badan kebajikan juga boleh dimasukkan sebagai **benefisiari** yang bakal menerima bayaran. Niat beramal kebajikan (jika ada) mampu dipenuhi melalui kaedah **Isti'man**.

1.15.3 Manfaat akan dinikmati dengan pantas oleh **benefisiari**.

Secara purata, tempoh masa di antara 14 hari sehingga 60 hari bekerja akan diambil oleh syarikat takaful bagi memproses pembayaran kepada **Syarikat** apabila tuntutan dibuat (bergantung kepada bila **benefisiari** menyerahkan salinan sijil kematian kepada **Syarikat**) **Syarikat** akan mula membuat pembayaran kepada **benefisiari** di dalam tempoh 30 hari apabila menerima bayaran dari syarikat takaful. Proses menjadi lebih cepat kerana ia tidak melibatkan proses perundangan harta pusaka di Pejabat Pusaka Kecil, Mahkamah Tinggi Sivil atau Mahkamah Syariah.

1.15.4 Mengelakkan risiko penyalahgunaan atau penyelewengan manfaat takaful.

Oleh kerana manfaat takaful akan diurus dan diagih sepenuhnya secara profesional oleh **Syarikat** dan mengelakkan risiko dari disalahguna atau diseleweng berbanding jika manfaat takaful ini diurus oleh individu.

1.15.5 Manfaat takaful tidak termasuk dalam pembahagian faraid.

Manfaat takaful yang telah dibuat penyerahan hak mutlak (*Absolute Assignment*) di bawah Seksyen 7 Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 ini, adalah terkeluar dari harta pusaka dan tidak boleh dituntut oleh waris-waris mengikut hukum faraid. Arahan **Surat Ikatan Amanah** yang telah dibuat **peserta takaful** akan dilaksanakan sepenuhnya.

1.15.6 Arahan agihan dan pengurusan yang fleksibel.

Peserta takaful boleh meletakkan apa sahaja terma agihan dan pengurusan yang dikehendaki mengikut keperluannya di dalam **Surat Ikatan Amanah** dan ia akan dipatuhi sepenuhnya oleh **Syarikat** (tertakluk kepada persetujuan **Syarikat** untuk menerima tanggungjawab yang dihasratkan).

1.15.7 Manfaat takaful boleh dinikmati **benefisiari** untuk jangka masa panjang.

Peserta takaful mempunyai fleksibiliti untuk mengarahkan **Syarikat** membayar kepada **benefisiari** secara sekaligus (*one-off*) atau berkala (bulanan atau mengikut keadaan tertentu). Sekiranya ada **benefisiari** di bawah umur 18 tahun atau OKU, **Syarikat** mempunyai bidang kuasa untuk memegang dana tersebut bagi pihak **benefisiari** untuk jangka panjang.

1.16 TANGGUNGJAWAB PELANGGAN

1.16.1 **Pelanggan** mempunyai tanggungjawab untuk memberikan dokumen sokongan kepada Dai'e untuk diserahkan kepada pihak **Syarikat** bagi proses dokumentasi.

1.16.2 Sekiranya dokumen sokongan **Pelanggan** tidak diserahkan kepada **Syarikat** dalam masa yang ditetapkan, **Pelanggan** bersetuju untuk mengindemniti **Syarikat** dan sekiranya berlaku kematian kepada **Pelanggan**, produk tersebut akan dipindah kepada proses pengurusan pusaka sekiranya **pelanggan** melanggan produk PRA atau produk Al Wasitah tidak aktif. Sekiranya terdapat kos melebihi caj perkhidmatan sebelum ini, waris perlu menanggung kos lebihan tersebut dan sekiranya waris tidak bersetuju, tiada pemulangan wang yang dibuat.

1.16.3 Sebarang cukai yang mungkin dikenakan terhadap harta dan/atau hartanah dan/atau akaun milik **Pelanggan** tidak ditanggung oleh **Syarikat**.

1.16.4 Bagi penghantaran dokumen **Pelanggan** secara pos keluar negara (selain dalam Malaysia), pihak **Syarikat** tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran. **Pelanggan** atau Dai'e perlu bertanggungjawab untuk menanggung sendiri kos penghantaran sehingga akhir proses penghantaran. Caj tertakluk kepada liabiliti **Pelanggan**.

1.16.5 Setelah Dokumen Simpanan **Pelanggan** diterima, **Pelanggan** perlu membuat pengesahan penerimaan dokumen simpanan dengan mengimbas **Kod QR Kaji Selidik** pada kad yang dilampirkan bersama dokumen simpanan.

1.16.6 Sekiranya **Pelanggan** mengalami kesulitan untuk mengimbas **Kod QR Kaji Selidik**, **Pelanggan** perlu mengisi kaji selidik secara bertulis pada belakang kad kaji selidik kemudian kembalikan semula kepada **Syarikat** melalui serahan tangan kepada Dai'e atau e-mel ke telewasiyyah@wasiyyahshoppe.com.my atau hantar ke talian WhatsApp Careline 6014-986 1123 dalam tempoh **14 hari** setelah menerima dokumen simpanan. Ganjaran kaji selidik akan diberi kepada **Pelanggan** yang selesai membuat kaji selidik setiap bulan.

1.16.7 Sekiranya **Syarikat** tidak menerima sebarang maklumbalas kaji selidik melalui medium yang telah dijelaskan seperti di atas, pihak **Syarikat** beranggapan bahawa **Pelanggan** masih belum menerima dokumen tersebut. **Pelanggan** perlu membuat laporan kepada pihak **Syarikat** untuk semakan dan tindakan.

2. APAKAH ARAHAN-ARAHAN YANG BOLEH DIMASUKKAN DI DALAM SURAT IKATAN AMANAH?

Apa sahaja arahan-arahan boleh dimasukkan ke dalam **Surat Ikatan Amanah** (arahan mestilah mematuhi hukum syarak dan tidak bertentangan dengan undang-undang syariah atau sivil tempatan dan telah dipersetujui untuk diterima oleh **Syarikat** sebagai Pemegang Amanah). Antara arahan-arahan yang boleh dimasukkan adalah:

- i. Perbelanjaan sara hidup (frekuensi pembayaran tertakluk kepada **Pelanggan**) kepada **benefisiari-benefisiari**.
- ii. Perbelanjaan perubatan dan kebajikan **benefisiari-benefisiari**.
- iii. Melangsaikan hutang **peserta takaful**.
- iv. Infaq dan amal jariah.
- v. Pendidikan **benefisiari**.
- vi. Dan apa sahaja arahan yang dikendaki oleh **peserta takaful** (tertakluk kepada persetujuan **Syarikat**).

3. PERUBAHAN SURAT IKATAN AMANAH

Kehendak dan keperluan **Pelanggan** mungkin berubah mengikut masa dan keadaan. **Pelanggan** boleh mengubah **Terma dan Syarat Perkhidmatan** di dalam **Surat Ikatan Amanah**. Urusan perubahan **Surat Ikatan Amanah** ini hanya melibatkan **Pelanggan** dengan **Syarikat** sahaja dan tidak melibatkan Syarikat takaful. Caj penyediaan **Surat Ikatan Amanah** baru adalah seperti ditetapkan oleh **Syarikat** (rujuk lampiran). Urusan perubahan **Surat Ikatan Amanah** ini sekiranya melibatkan **Pelanggan** dan **Syarikat** dan Syarikat takaful. Caj penyediaan **Surat Ikatan Amanah** baru adalah seperti ditetapkan oleh **Syarikat** (rujuk lampiran).

3.1 TANGGUNGAN KOS SEKIRANYA TERDAPAT TENTANGAN DARI WARISTERHADAP AMANAH ISTI'MAN

Penyerah hak (*assignment*) untuk manfaat takaful dinyatakan di dalam Seksyen 7(a) dan 7(b) Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Oleh itu bidang kuasa membicarakan apa-apa isu yang timbul dari Akta ini ialah bidang kuasa Mahkamah Sivil. Sekiranya terdapat mana-mana pihak yang ingin menentang (*contest*) Amanah **Isti'man**, mereka perlu membawa kes ini untuk dibicarakan di Mahkamah Sivil. Segala kos guaman bagi perkara ini akan ditanggung oleh akaun amanah tersebut yang dipegang secara amanah oleh **Syarikat** (dengan persetujuan dari **benefisiari- benefisiari**).

4. PERKHIDMATAN RUNDING CARA

Perkhidmatan runding cara peribadi (*personal consultation*) untuk **Benefisiari** selepas kematian **Peserta Takaful**. Perkhidmatan ini boleh diberikan di rumah **Benefisiari** (bergantung kepada jadual kakitangan berkenaan) sekiranya **Peserta Takaful** melanggan perkhidmatan lain bersama **Syarikat**.

Sekiranya **Pelanggan** hanya melanggan produk **Isti'man** sahaja dengan **Syarikat**, sesi rundingcara ini akan dilaksanakan di pejabat **Syarikat**. **Benefisiari** atau waris-

waris hendaklah hadir ke pejabat di waktu dan hari bekerja sahaja.

5. NOTIS PINDAAN

5.1 Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan memberi nilai tambah (*value added*) kepada **Pelanggan, Syarikat** pada bila-bila masa boleh mengubah mana-mana peruntukan di dalam **Terma dan Syarat Perkhidmatan** ini dengan menghantar satu (1) notis bertempoh tiga puluh (30) hari melalui pos, sms dan/atau email kepada **Pelanggan**. Bukti penghantaran notis ini dianggap sebagai bukti penerimaan oleh **Pelanggan**.

5.2 **Pelanggan** mempunyai hak untuk tidak bersetuju dengan apa-apa pindaan berkenaan dengan menghantar satu notis bertulis kepada **Syarikat** sebelum tamat tempoh notis 30 hari di atas. **Pelanggan** yang tidak mengemukakan sebarang notis ketidaksetujuan di dalam tempoh di atas telah dianggap bersetuju dengan pindaan tersebut.

5.3 **Pelanggan** yang telah bertindak mengikut peruntukan 5.2 di atas dianggap telah tidak bersetuju dengan pindaan yang dinotiskan dan pindaan tersebut dianggap tidak tertakluk ke atas mereka. **Terma dan Syarat Perkhidmatan** yang asal dianggap berkuatkuasa untuk **Pelanggan** berkenaan tertakluk kepada penerimaan notis dari **Pelanggan** di dalam tempoh 30 hari di atas.

5.4 Walau apapun (notwithstanding) klausa 5.2 tidak tertakluk kepada pindaan berkenaan apa-apa cukai yang ditetapkan oleh Kerajaan. Sekiranya terdapat pelaksanaan baharu atau pindaan terhadap apa-apa cukai, fi, atau caj tambahan oleh Kerajaan pada masa kini atau pada masa hadapan yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan ini, semua bayaran tersebut adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan. Sekiranya berlaku kematian sebelum bayaran tersebut dijelaskan, tanggungan berkenaan hendaklah diselesaikan oleh

waris Pelanggan dan boleh dituntut daripada harta pusaka Pelanggan.

6. CUKAI, LEVI ATAU OBLIGASI STATUTORI KERAJAAN

6.1 Sebarang fi atau cukai yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah tidak termasuk dalam harga produk, caj perkhidmatan atau amaun pemulangan wang.

6.2 Semua fi atau cukai Kerajaan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh **Pelanggan**. **Syarikat** berhak mengenakan cukai tersebut kepada Pelanggan apabila fi atau caj tersebut berkuatkuasa.

6.3 Sekiranya terdapat cukai baharu diperkenalkan atau perubahan kadar cukai, **Pelanggan** faham dan bersetuju bahawa sebarang pertambahan fi akibat daripada perubahan tersebut akan diselaraskan dalam invoice pembayaran berikutnya.

6.4 Amaun pemulangan wang yang diproses oleh **Syarikat** tidak termasuk fi atau cukai kerajaan. Caj tersebut kekal sebagai tanggungan **Pelanggan** dan tidak akan dipulangkan.

7. INDEMNITI SYARIKAT

Kesemua pihak, **Pelanggan** dan **Benefisiari-benefisiari**, bersetuju untuk mengindemniti dan melepaskan **Syarikat** dari sebarang kegagalan perkhidmatan ini di dalam keadaan-keadaan berikut:

7.1 **Peserta takaful** telah gagal membayar premium untuk polisi takaful dan polisi tersebut telah luput (*lapse*).

7.2 **Benefesiari-benefisiari** gagal menghubungi **Syarikat** bagi

memaklumkan kematian atau kejadian keilatan kekal yang berlaku kepada **Pelanggan** atau **Pelanggan** gagal memaklumkan kepada **Syarikat** apabila tempoh matang sijil takaful.

7.3 Pelanggan semasa hidupnya berhasrat untuk membatalkan Amanah Isti'man ini namun gagal/tidak sempat melengkapkan proses *Absolute Assignment* semula kepada namanya.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

LAMPIRAN

1. Ujrah (upah) pengurusan **Amanah Isti'man (tahunan)** adalah seperti berikut:

UJRAH PENGURUSAN AMANAH ISTI'MAN UNTUK POLISI KEYMAN TAKAFUL	UJRAH PENGURUSAN AMANAH ISTI'MAN UNTUK POLISI TAKAFUL
0.3 % @ RM50,000 (max) per annum (mana-mana yang lebih rendah) - Minimum caj adalah sebanyak RM1,000	0.5%

2. Setiap kali terdapat pembayaran yang dikeluarkan dari Akaun Amanah untuk arahan- arahan di dalam **Surat Ikatan Amanah**, **ujrah** (upah) lapan puluh ringgit (RM 80) akan dikenakan untuk setiap pembayaran (cek).
3. Caj pengurusan amanah BERIKUTNYA akan dikenakan pada setiap tarikh ulang tahun Akaun Amanah diterima. Pengiraan caj adalah berdasarkan nilai akaun amanah ketika tarikh caj dikenakan.
4. Zakat akan ditolak dari Akaun Amanah ini apabila cukup haul dan nisabnya.

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG

5. Bagi produk Amanah **Isti'man** apabila Wasiyyah Shoppe Berhad telah didaftarkan sebagai pemilik berdaftar polisi takaful, caj untuk pembatalan dan penyediaan semula **Surat Ikatan Amanah Isti'man** adalah seperti berikut:

Pembatalan. (selepas <i>Absolute Assignment</i> didaftarkan)	RM150 (+) Kadar duti setem <i>re-assignment</i> / per polisi
Perubahan SIA – Perubahan Arahan Pembahagian. (selepas <i>Absolute Assignment</i> didaftarkan)	RM200 (sekiranya hanya perubahan arahan pembahagian di dalam SIA)
Perubahan SIA (selepas <i>Absolute Assignment</i> didaftarkan)	RM150 (+) Kadar duti setem <i>assignment</i> dan <i>re-assignment</i> / per polisi (sekiranya penambahan atau pengurangan polisi beserta arahan pembahagian)

6. Sekiranya pelaksanaan arahan dalam **Surat Ikatan Amanah** memerlukan gerak kerja tambahan dan urusan luar dengan pihak ketiga, caj bagi setiap tugas yang dibuat adalah sebanyak RM1,000 (tidak termasuk perjalanan perbatuan, kerja lebih masa dan lain-lain urusan kakitangan).

**Nota:*

*Pembayaran zakat daripada Akaun Amanah adalah tertakluk kepada persetujuan daripada settlor/benefisiari. Pelanggan/Peserta takaful hendaklah menandatangani persetujuan rasmi untuk membatalkan **Surat Ikatan Amanah** yang telah dibuat. Caj-caj yang dikenakan di atas adalah tertakluk kepada perubahan.*

RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG